

BORANG SKM/BP	
BAHAGIAN D LAMPIRAN II	
Nota: Lampiran I, II dan III yang disertakan adalah untuk rujukan calon sahaja. Sila ceraiikan dan simpan Bahagian ini sebelum menghantar Borang SKM/BP kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia	
HENDAKLAH DIBACA BERSAMA-SAMA DENGAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN BAGI BUTIRAN 12 BORANG SKM/BP	
Definisi	
1. Jenis Koperasi	Koperasi merujuk kepada koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.
2. Jenis Akaun Pinjaman di Koperasi	Merujuk kepada semua akaun pinjaman, liabiliti dan peruntukan bagi jaminan di dalam koperasi-koperasi di atas. Ini termasuk pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman pajak gadai, pinjaman pelajaran, pinjaman pengguna dan liabiliti-liabiliti lain di mana pemohon bertanggungjawab sepenuhnya ke atas hutang meminjam.
3. Jenis Jaminan	Jaminan adalah termasuk jaminan peribadi atau jaminan kewangan atau bukan kewangan, tanggung rugi (<i>indemnity</i>), aku janji atau tanggungan-tanggungan lain di mana calon bertanggungjawab sepenuhnya dalam apa-apa keadaan ke atas hutang-hutang meminjam.

BORANG SKM/BP	
BAHAGIAN D LAMPIRAN III	
Untuk Calon Anggota Lembaga Koperasi Lampiran ini merupakan sebahagian daripada butiran 15 borang ini	
A. Subseksyen 43(1) Akta Koperasi 1993	Subseksyen 43(1) memperuntukkan bahawa: Tiada seorang pun layak dilantik menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga koperasi jika dia telah: (i) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau (ii) dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi.
B. Kriteria Minimum Layak dan Sesuai sebagai Anggota Lembaga Koperasi	(i) Anggota Lembaga koperasi hendaklah seorang yang berkebolehan memandangkan mereka diamanahkan oleh anggota untuk memastikan pengurusan aktiviti koperasi berjalan dengan berkesan dan mantap. Mereka mestilah sekurang-kurangnya mempunyai kemahiran, pengalaman dan kompeten bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. (ii) Dalam menentukan sama ada seseorang individu itu adalah layak dan sesuai untuk dilantik menjadi anggota Lembaga koperasi, pertimbangan perlu diberi terhadap perkara-perkara berikut: (a) kejujuran, ketekunan, kompeten dan waras; (b) reputasi, tingkah laku dan integriti; (c) tidak melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis; (d) tidak didakwa atau melakukan kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini; dan (e) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan.